

PROMOSI KESIHATAN BUAH PINGGANG

Larian Bercahaya Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) menjadi acara tumpuan dengan penyertaan lebih 3,000 orang menggematkan larian yang berlangsung di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps), Serdang, Selangor, baru-baru ini.

Larian santai berkenaan antara satu program yang berlangsung sempena penganjuran Karnival Ulangtahun NKF ke-50.

Malah larian sejauh lima kilometer ini bertujuan mempromosikan kesihatan buah pinggang dalam kalangan generasi muda.

Selain itu, acara ini turut meningkatkan kesedaran mengenai prevalen penyakit buah pinggang kronik menerusi pendekatan berbeza.

Bagi merancakkan lagi

acara, peserta memakai pakaian berwarna neon manakala badan turut dicorakkan dengan warna berkenaan.

Acara kemuncak larian bercahaya ini adalah tarikan tanglung yang berwarna-warni bagi menyampaikan mesej mengenai kesihatan ginjal.

Acara ini juga menyaksikan ketibaan konvoi kereta dan motosikal mewah yang sebelum itu melakukan kempen kesedaran kesihatan buah pinggang di I Utama, Sunway Pyramid dan IOI City Mall sebelum berakhir di Maeps.

Ketua Pegawai Eksekutif



LEBIH 3,000 sertai sertai Larian Cahaya.

NKF, Chua Hong Wee berkata, penganjuran acara larian bercahaya ini mempunyai keunikan dan keterujaan dalam mempromosikan kesihatan ginjal.

“Dalam meraikan keseronokan hidup, kita ingin menyebarkan mesej penting mengenai kepentingan melindungi buah pinggang.

“Pada masa sama, kita ingin mengumpul dana bagi memenuhi harapan seramai 1,700 pesakit dialisis NKF.

“Sempena acara ini, NKF berjaya mengumpulkan dana tunai sebanyak RM120,000 dan tiga mesin dialisis bernilai RM121,900.

“Terima kasih kepada penderma dan ini pasti memberi nilai tambah kepada pesakit dialisis,” katanya dalam satu kenyataan media.

Semua hasil dana yang diperoleh menerusi Larian Bercahaya NKF akan disalurkan kepada lebih 1,700 pesakit dialisis miskin yang sedang menjalani rawatan di 28 pusat dialisis NKF di seluruh negara.

Kini terdapat lebih daripada 50,000 pesakit dialisis di Malaysia dengan 7,000 pesakit baru setiap tahun.

Dianggarkan bilangan itu meningkat lebih dua kali ganda menjelang 2040 sekali gus meletakkan Malaysia di tangga ketiga negara yang mempunyai pesakit buah pinggang tertinggi di dunia.